

Murid Tahun 1 terima sumbangan

AirAsia salur akaun SSPN-i berjumlah RM121,750 kepada lebih 2,000 murid sekolah sekitar Kuala Lumpur

NINA FARUIN MD. SHAROM

SEPANG - Seramai 2,435 murid Tahun 1 daripada sekolah bantuan penuh kerajaan sekitar Kuala Lumpur terpilih menerima sumbangan akaun SSPN-i berjumlah RM121,750 daripada Air Asia.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr Mary Yap Kain Ching berkata, bantuan tersebut telah disalurkan menerusi akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Ini adalah antara usaha yang dijalankan bagi menggalakkan murid dan terutama ibu bapa membuat simpanan lebih awal untuk pendidikan anak-anak mereka.

"Walaupun di peringkat sekolah, pendidikan diberikan secara percuma, namun di peringkat pendidikan tinggi ada kemungkinan perbelanjaan lebih besar diperlukan. Jadi, kesedaran di peringkat awal perlu diberikan kepada para ibu bapa dan pelajar itu sendiri," katanya dalam ucapan Majlis Penyampaian Sumbangan AirAsia Kepada Murid Tahun 1 2017, semalam.

Beliau turut mengalu-alukan lebih banyak organisasi untuk turut



Majlis Penyampaian Sumbangan AirAsia Kepada Murid Tahun 1 2017 di sekolah terpilih bantuan penuh kerajaan sekitar Kuala Lumpur, dihadiri oleh Dr Mary, Pegawai Eksekutif AirAsia Berhad, Aireen Omar dan Mastura (belakang, tiga kanan).

sama mencontohi peranan yang dimainkan oleh AirAsia dalam membantu mereka yang memerlukan.

"Kementerian amat memuji usaha AirAsia sebagai syarikat swasta yang sudi memainkan peranan dalam membantu generasi muda dalam bidang pendidikan terutamanya kepada murid-murid yang memerlukan.

"Saya percaya dengan adanya usaha seperti ini, kebajikan murid

kurang berkemampuan akan terjaga, sekali gus membuka peluang dan masa depan yang cerah kepada anak-anak muda.

"Di peringkat kementerian sendiri, kita sentiasa komited memastikan kemudahan pendidikan diberikan pada tahap yang terbaik," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Eksekutif (Dasar dan Operasi) PTPTN, Mastura Mohd Khalid ber-

kata, sehingga Oktober 2017, sebanyak 3.1 juta akaun SSPN-i telah dibuka dengan deposit terkumpul sejumlah RM2.97 bilion.

"Kalau diiktirafkan jumlah ini masih sedikit jika dibandingkan dengan jumlah penduduk yang ada di negara ini.

"Tapi dengan inisiatif yang dijalankan oleh kerajaan termasuklah keistimewaan produk ini yang tersendiri, kita yakin ia akan menarik

lebih banyak minat rakyat Malaysia untuk mula menyimpan dalam SSPN-i ini," katanya.

Pada masa sama, beliau mengharapkan sumbangan akaun SSPN-i daripada AirAsia ini akan menjadi titik permulaan dan motivasi kepada ibu bapa membuat penabungan secara konsisten.

"Melalui simpanan pendidikan SSPN-i ini pelbagai keistimewaan dan manfaat akan dinikmati oleh pendeposit dan penerima manfaat antaranya adalah Geran Sepadan dan pengecualian taksiran cukai pendapatan.

Ibu bapa yang mempunyai anak Tahun 1 juga perlu membuka atau membuat penambahan akaun SSPN-i atau SSPN-i Plus bagi merebut Geran Sepadan percuma RM50 yang disediakan selain berpeluang memenangi hadiah utama Cabutan Bulanan berjumlah RM10,000 yang akan berakhir 31 Disember ini.

"PTPTN memang dikenali di seluruh Malaysia dan setidak-tidaknya dikenali sebagai pihak yang memberi pinjaman atau pengutip hutang. Tapi sebenarnya PTPTN juga menyediakan kemudahan menabung untuk pendidikan anak-anak seawal usia sehari," katanya.